

Tambak sungai jejas rezeki nelayan

Projek Sungai Kuala Linggi-Rembau didakwa musnah habitat hidupan air

Oleh Muhammad Hatim
Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

MASJID TANAH: Hampir 100 nelayan di Kampung Paya Lebar, Ramuan Cina Besar, kecewa apabila sebatang anak Sungai Kuala Linggi-Rembau, dekat sini, yang menjadi lubuk rezeki mereka sejak dulu terjejas teruk akibat ditambak.

Kerja penambakan tanah dipercayai bagi pembangunan kawasan berkenaan dilakukan pemaju sejak kira-kira setahun lalu tanpa memaklumkan kepada mereka atau wakil nelayan di situ.

Tinjauan *Sentral* di kawasan itu mendapati kesan tambakan menyebabkan kawasan anak sungai berkenaan tertimbus. Akibatnya nelayan tidak lagi berpeluang menuju ke kawasan tebing paya bakau untuk mencari lokan dan ketam.

Nelayan Kampung Paya Lebar, Zainal Md Ali, 60, berkata anak sungai itu menjadi satu daripada lokasi nelayan mencari sumber rezeki dengan hasil tangkapan seperti udang galah, udang kertas, lokan,

ketam dan siput sedut setiap hari.

Katanya, sejak proses penambakan itu dilakukan, hasil tangkapan terutama udang galah yang lazimnya bersaiz besar amat ketara berkurangan berikutan habitat hidupan air terbabit dipercayai musnah sama sekali.

“Sejak dulu anak sungai ini terkenal dengan udang galah dan ketam membiak, tetapi sejak kerja menambak dilakukan, nelayan di sini sukar mendapatkannya.

“Jika berterusan begini, kami sukar mencari rezeki untuk menyara keluarga seperti dulu. Saya harap ada pihak tampil membantu me-



Sejak dulu anak sungai ini terkenal dengan udang galah dan ketam membiak, tetapi sejak kerja menambak dilakukan, nelayan di sini sukar mendapatkannya



Zainal Md Ali
Nelayan Kampung Paya Lebar



AZHAR menunjukkan anak Sungai Kuala Linggi-Rembau yang ditambak setinggi dua meter menjejaskan hasil tangkapan nelayan di Kampung Paya Lebar, Ramuan Cina Besar, Masjid Tanah, Melaka.

reka menyelesaikan masalah itu bagi membela nasib nelayan di sini,” katanya.

Rakannya, Azhar Alias, 49, berkata, kawasan sungai paya bakau yang menjadi habitat hidupan sungai itu musnah sama sekali, gus menutup periuk nasi mereka.

Katanya, beliau bersama kira-kira

100 nelayan yang beroperasi di kawasan itu terkilan kerana tidak diberitahu tujuan sebenar penambakan anak sungai itu

“Jika benar pihak kontraktor berkenaan mendapat kelulusan bagi penambakan itu, mereka harus menghormati kami sebagai nelayan yang sudah lama bertapak di

sini untuk mencari sumber rezeki.

“Apa salahnya berterus terang dengan kami dan tindakan mereka yang terus menutup anak sungai ini benar-benar mengecewakan kerana memusnahkan habitat pelbagai jenis hidupan sungai. Selain menjejaskan pendapatan kami,” katanya.